

Surat khabar: Utusan Malaysia (Hello Kampus)

Hari/Tarikh: 29/5/2013

Muka surat: 26

Tajuk : Bank Islam Serah Zakat Perniagaan Kepada Unimas.

Bank Islam serah zakat perniagaan kepada Unimas

KOTA SAMARAHAN 28 Mei - Bank Islam (M) Berhad baru-baru ini menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM30,000 kepada Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) untuk disalurkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan daripada institusi tersebut.

Naib Canselor Unimas, Datuk Prof. Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, sumbangan Bank Islam itu

adalah usaha bersama kedua-dua pihak bagi membantu mereka yang layak meneruskan pengajian dengan sempurna.

“Bank Islam mula menyumbang zakat kepada Unimas sejak 2009 bagi membantu membayar yuran pengajian pelajar miskin yang mengikuti pelbagai jenis pengajian di universiti ini.

“Setakat ini ramai pelajar telah

menerima manfaat hasil daripada pemberian sumbangan zakat perniagaan ini dan pihak pentadbiran Unimas berterima kasih kerana keprihatinan tersebut,” katanya.

Majlis penyerahan sumbangan zakat perniagaan itu disempurnakan oleh Pengurus Besar Hubungan Strategik Bank Islam, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh di Staff Lounge Rumah Universiti, Unimas di sini.



WAN Ismail Wan Yusoh (dua dari kanan) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM30,000 kepada Mohamad Kadim Suaidi (dua dari kiri) di Unimas, Kota Samarahan semalam.